



SSPA

TAWARAN TERBAIK UNTUK PENJAWAT AWAM

Membina kerjaya sebagai penjawat awam telah menjadi pilihan utama majoriti pelajar pada peringkat menengah atas dan pengajian tinggi di Malaysia.

Kajian akademik yang berkaitan dengan kecenderungan pelajar untuk memilih sektor awam sebagai medan utama kerjaya menunjukkan bahawa ruang kerjaya dalam sektor awam ini masih menjadi rebutan masyarakat. Berdasarkan rekod Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), setiap tahun lebih daripada sejuta permohonan baharu telah dikemukakan oleh orang ramai bagi mengisi kekosongan jawatan di sektor awam. Banyak pihak berpendapat bahawa bekerja dalam sektor awam lebih tenang dan mempunyai peluang kerjaya yang lebih terjamin berbanding dengan sektor swasta.

Selain menjadi tempat pilihan utama pencari kerja, sektor awam sebenarnya tempat untuk seseorang membina kerjaya dan kehidupan sebagai seseorang yang berbakti kepada negara melalui kerjaya tersebut. Hal ini merupakan matlamat asas yang seharusnya difahami oleh semua calon penjawat awam dan mengaplikasikannya sepanjang kerjaya kelak. Peluang berkhidmat sebagai seorang penjawat awam, seharusnya dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya agar mereka benar-

benar mampu menyumbang sesuatu berdasarkan kapasiti jawatan yang dipertanggungjawabkan.

Kerjaya dalam sektor awam didapati mengalami anjakan dan peningkatan daya tarikan sekali lagi pada tahun ini. Hal ini dikatakan demikian kerana keputusan kerajaan untuk menyemak kembali sistem saraan sedia ada kepada sistem yang selari dengan cabaran semasa yang perlu dihadapi oleh masyarakat, terutamanya melibatkan kos sara hidup amat dialu-alukan. Bertepatan dengan saranan tersebut, pihak kerajaan telah mengumumkan satu sistem saraan baharu yang lebih inklusif dan menarik.

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) Bilangan 2, Tahun 2023 yang diadakan pada 7 Ogos 2023 dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, beliau telah bersetuju untuk melakukan semakan terhadap sistem saraan sedia ada kepada kajian pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Objektif

Cabaran baharu terkini dengan peningkatan kos sara hidup dan tuntutan peningkatan produktiviti penjawat awam oleh masyarakat telah diambil pertimbangan oleh kerajaan semasa.

utama kajian tersebut untuk meneliti pendapatan penjawat awam yang tidak seiring dengan kos sara hidup semasa. Pada masa yang sama, kajian ini juga perlu meneliti bebanan tanggungan fiskal kerajaan bagi pembayaran emolumen dan faedah persaraan penjawat awam yang meningkat.

Hal ini amat penting disebabkan setiap perubahan kepada sistem saraan penjawat awam akan meningkatkan bebanan tanggungan kerajaan. Oleh itu, perubahan sistem saraan ini perlulah seiring dengan peningkatan produktiviti perkhidmatan awam serta mampu untuk pemantapan budaya kerja serta peningkatan nilai dan integriti penjawat awam, agar peningkatan pendapatan ini selari dengan peningkatan kualiti kerja yang disumbangkan.

Secara rasminya, SSPA dilaksanakan pada 1 Disember 2024 tahun lalu. Setelah melalui pelbagai proses termasuklah sesi libat urus yang melibatkan semua agensi perkhidmatan awam, sistem saraan baharu ini dimuktamadkan dan dilaksanakan dengan lancar. Menurut Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), daripada 1.5 juta orang penjawat awam, hanya 0.13 peratus atau sekitar 1400 orang penjawat awam yang menolak untuk menyertai SSPA. Mereka tergolong dalam kumpulan pengurusan, pelaksana dan profesional. Sebelum kerajaan melaksanakan SSPA bermula 1 Disember 2024, semua penjawat awam diberikan tempoh selama 40 hari untuk meneliti dokumen SSPA untuk pertimbangan menyertai sistem saraan tersebut daripada sistem saraan sebelum ini. Berdasarkan tawaran tersebut, penjawat awam boleh membuat pertimbangan dengan membuat perbandingan dari pelbagai aspek, terutamanya berkaitan dengan pendapatan bulanan, saraan dan prospek kerjaya dalam sektor awam.

Merengung kembali sejarah panjang sistem saraan perkhidmatan awam di Malaysia, didapati bahawa sistem saraan sedia ada yang digunakan sebelum ini telah melalui

tempoh selama 21 tahun. Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang mula diperkenalkan pada tahun 2002 memberikan tumpuan terhadap penambahbaikan prestasi penjawat awam. Hal ini bagi meningkatkan kompetensi dalam pengurusan prestasi penjawat awam melalui pengenalan Jadual Gaji Minimum Maksimum (JGMM) dan kadar gaji baharu serta kenaikan gaji antara tujuh hingga 13 peratus. Melalui SSM juga, skim perkhidmatan telah dirasionalisasikan dengan melibatkan penyeragaman grad lantikan, kenaikan pangkat serta peluasan pemakaian Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan syarat kelayakan yang lain.

Setelah 21 tahun digunakan, SSM dilihat perlu melakukan penambahbaikan sesuai dengan peredaran masa. Cabaran pada masa ini dengan peningkatan kos sara hidup dan tuntutan peningkatan produktiviti penjawat awam oleh masyarakat telah diambil pertimbangan oleh kerajaan semasa. Perdana Menteri juga bertekad untuk menambah baik sektor awam melalui proses reformasi. Sejak awal pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri, antara perkara yang menjadi tumpuan utama beliau, termasuklah mereformasikan sektor awam agar lebih dihormati oleh masyarakat dan penjawat awam pula perlu bertanggungjawab dengan tugas masing-masing. Sektor awam merupakan ejen utama yang membantu kerajaan bagi merealisasikan semua tekad kerajaan sesuai dengan konsep MADANI yang telah diperkenalkan oleh kerajaan.

SSPA merupakan tawaran terbaik kerajaan kepada semua penjawat awam. Tawaran terbaik ini pastinya memberikan kesan

bukan sahaja kepada penjawat awam secara langsung, malah secara tidak langsung akan mempengaruhi sektor lain dalam negara. Rantaian yang terlibat dalam pelaksanaan SSPA ini seterusnya akan memberikan impak yang baik kepada iklim ekonomi negara serta pembangunan sosial dan kerukunan hidup masyarakat. Hal ini terkait dengan perkara yang paling asas dalam SSPA, iaitu kenaikan pendapatan bersih penjawat awam. Kenaikan ini pastinya memberikan kesan langsung kepada pendapatan boleh guna pekerja yang akan mengaktifkan sosioekonomi negara.

Kata kunci penting yang berkaitan dengan SSPA ialah laba yang dinikmati oleh penjawat awam. Melalui SSPA, setiap penjawat awam menikmati skim penggajian baharu bermula pada Disember 2024 yang lalu. Pemberian pelarasan gaji penjawat awam menyaksikan peningkatan sebanyak 15 peratus kepada Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan serta Profesional. Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi pula menerima pelarasan gaji sebanyak tujuh peratus. Hal ini menunjukkan komitmen pihak kerajaan dalam menyesuaikan pendapatan bersih penjawat awam ketimbang kos sara hidup pada masa ini. Inilah yang dikatakan sebagai tawaran terbaik pihak kerajaan kepada penjawat awam.

Tawaran terbaik melalui SSPA ini bukan sahaja melibatkan soal penggajian. Mungkin bagi sesetengah pihak yang tidak bersetuju dengan sistem saraan ini melihat isu pelarasan gaji sebagai remeh dan tidak memberikan kesan jangka panjang kepada penjawat awam. Pengkritik seperti ini mungkin terlepas pandang tentang keseluruhan tawaran SSPA.



Penjawat awam perlu meningkatkan kualiti kerja selaras dengan peningkatan gaji masing-masing.

Pakej yang ditawarkan melalui SSPA sebenarnya lengkap dan sesuai untuk dilaksanakan pada ketika ini. SSPA boleh dikatakan lebih menyeluruh dan inklusif. Pakej ini bukan sahaja memberikan impak segera seperti pelarasan gaji kepada penjawat awam, malah turut memberikan kesan jangka panjang terhadap sektor awam. Sebagai contoh, terdapat aspek pembaharuan melalui inisiatif pembangunan organisasi, penambahbaikan sistem saraan dan pencen, kemudahan lebih fleksibel serta rasionalisasi elaun dan tawaran penambahbaikan perkhidmatan termasuklah pembangunan sumber manusia serta kemajuan kerjaya yang lebih baik dan terjamin.

Melalui pelaksanaan SSPA ini, kerajaan bersetuju untuk meningkatkan Gaji Permulaan Terendah (GPT) kepada RM1500 dengan kelayakan masuk ke skim perkhidmatan awam minimum pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Berbanding dengan GPT sebelum ini, hanya RM1200 dengan kelayakan masuk minimum pada peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) atau Penilaian Menengah Rendah (PMR). Peningkatan kelayakan berserta dengan peningkatan GPT ini merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada sektor awam. Peningkatan GPT ini sesuai dengan hasrat kerajaan

untuk meningkatkan pendapatan minimum bulanan penjawat awam supaya mencapai dan melebihi RM2000 sebulan bagi mengimbangi peningkatan kos sara hidup pada hari ini.

Sektor awam yang berkualiti memerlukan asas pendidikan yang juga meningkat dan berkualiti. Kelayakan asas pada peringkat SPM adalah wajar bagi mengimbangi tahap pendidikan minimum penjawat awam. Perkaranya ini menjadi satu keperluan bagi menawarkan khidmat yang terbaik sesuai dengan kelayakan masing-masing. Pengiktirafan dari aspek kelayakan pendidikan akan menjadikan sektor awam sebagai ruang kerjaya yang dihormati dan diyakini oleh masyarakat. Walau bagaimanapun, ada yang berpendapat bahawa kelayakan

akademik bukanlah asas kukuh untuk seseorang memberikan perkhidmatan yang berkesan, namun penilaian dengan kayu ukur minimum yang lebih tinggi pada tahap SPM dilihat lebih sesuai untuk meningkatkan tahap sektor awam ke peringkat yang lebih tinggi dan berkesan.

Imej terbaik sektor awam merupakan cerminan kejayaan kerajaan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Oleh itu, penjawat awam perlu sentiasa berusaha untuk menjadi ejen paling berkesan bagi merealisasikan semua dasar dan hasrat kerajaan. Dengan pelaksanaan SSPA ini, penjawat awam telah mendapat suntikan motivasi yang berkesan berupa pakej kemajuan kerjaya yang menyeluruh serta dengan harapan penjawat awam akan sentiasa melaksanakan tugas



dengan penuh dedikasi, beramanah, berintegriti serta berprestasi tinggi.

Melalui SSPA, penjawat awam diberikan peluang yang lebih untuk meningkatkan kemajuan kerjaya masing-masing dengan syarat mereka memenuhi kelayakan asas serta kriteria yang telah ditetapkan. Maka itu, penjawat awam perlu sentiasa komited dengan tanggungjawab serta kekal berprestasi tinggi dalam menjalankan tugas masing-masing.

Berdasarkan SSPA, setiap penjawat awam berpeluang untuk kenaikan pangkat secara sekali beri, kenaikan pangkat tanpa kekosongan, peluasan jawatan gred fleksi serta laluan pakar bidang khusus. Hal ini bermakna, setiap penjawat awam yang berkelayakan dan sentiasa

juga membuktikan bahawa penjawat awam telah memberikan kualiti dan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Namun begitu, pihak kerajaan khususnya masih mengharapkan sektor awam ini akan kekal berkualiti dan berdaya saing dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Pelaksanaan SSPA ini merupakan satu daripada inisiatif kerajaan untuk memacu prestasi perkhidmatan awam ke tahap yang lebih cemerlang.

Secara umumnya, pelaksanaan SSPA oleh kerajaan memberikan ruang dan peluang kepada penjawat awam yang berprestasi tinggi untuk membuktikan kebolehan dan komitmen mereka. Seterusnya, peningkatan kualiti penjawat awam

Peningkatan Produktiviti, Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan, Pengukuhan Kepimpinan, Pengukuhan Tatakeloa dan Pemerkasaan Penyampaian Perkhidmatan.

Semua proses penambahbaikan ini dilaksanakan dengan menerapkan nilai integriti dan produktiviti yang seiring. Hasil yang berkualiti dengan proses yang berintegriti merupakan tunjang utama dalam pelaksanaan SSPA. Oleh itu, SSPA sebenarnya merupakan tawaran yang terbaik bagi penjawat awam yang berprestasi tinggi dan berintegriti. SSPA memastikan bahawa penjawat awam yang seumpama ini tidak tercicir dalam proses pembentukan modal insan dan penyampaian aspirasi

Berdasarkan SSPA, setiap penjawat awam berpeluang untuk kenaikan pangkat secara sekali beri, kenaikan pangkat tanpa kekosongan, peluasan jawatan gred fleksi serta laluan pakar bidang khusus.

bermotivasi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat akan berpeluang meningkatkan kerjaya masing-masing ke tahap yang lebih tinggi tanpa perlu menunggu kekosongan jawatan tersebut. Perkara seumpama ini seharusnya akan menjadi "tonik" terbaik kepada penjawat awam untuk terus komited memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Sebelum ini, terbukti bahawa sektor awam di Malaysia merupakan antara organisasi yang terbaik di dunia. Penjawat awam di negara kita

akan memberikan kesan langsung kepada peningkatan produktiviti serta kualiti kerajaan dan sektor awam. Secara keseluruhannya, rakyat akan mendapat manfaat daripada kualiti perkhidmatan tersebut.

Oleh sebab itu, melalui SSPA, kerajaan turut melaksanakan penambahbaikan dengan memberikan tumpuan kepada perkara yang paling asas, iaitu menerusi pengukuhan elemen perkhidmatan awam. Antara elemen tersebut, termasuklah Penguatkuasaan Sumber dan

nasional. Hal ini juga mampu untuk mengoptimalkan sumber manusia dan kewangan negara, serta berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Peningkatan kualiti ini pastinya juga akan menyumbang kepada keberkesanan penyampaian dan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat. Hal ini turut diterjemahkan dalam bentuk penarafan antarabangsa sebagai sektor awam yang berkualiti dan dihormati.

Pada akhirnya, penjawat awam diberikan pilihan untuk terus memilih sistem saraan sedia ada atau beralih kepada sistem saraan yang lebih inklusif dengan pakej tawaran kerjaya yang meyakinkan. Pada masa ini, dengan situasi terkini, yakni pilihan yang sesuai dengan kehendak semua pihak pastinya SSPA, iaitu tawaran terbaik kepada semua penjawat awam. ●

Kebanyakan graduan cenderung memilih kerjaya dalam sektor awam sebagai jaminan pada masa depan.



Penulis, Pensyarah Kanan di Kolej Pendidikan Berterusan Universiti Tenaga Nasional, Kampus Putrajaya.